



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755, Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor Darul Takzim.

Tel : 07-7722946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj Kami : PPDKLG.600-4/1/1 Jld 2 ()
Tarikh : 17 Februari 2025

Semua Pegawai dan Peserta,
Kontinjen Olahraga MSSD Kluang.

Melalui dan Salinan
Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah-sekolah Daerah Kluang.

Tuan/Puan,

AKTIVITI KOKURIKULUM:

KEM KECEMERLANGAN KEJOHANAN OUTREACH OLAHRAGA MSS JOHOR B11 DAN B14 MAJLIS SUKAN SEKOLAH NEGERI JOHOR 2024/2025

Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa MSSD Kluang akan menyertai Kejohanan Outreach Olahraga MSS Johor yang akan diadakan pada 26 hingga 28 Februari 2025 di Stadium Kluang. Pihak MSSD Kluang memohon jasa baik dan kerjasama tuan supaya membenarkan guru dan pelajar yang terpilih menyertai Kem kecemerlangan seterusnya menyertai kejohanan tersebut.

2. Pasukan : Senarai nama pegawai dan peserta dilampirkan (Rujuk Lampiran A)
3. Latihan Pusat : Atlet yang dipilih akan menjalani latihan pusat seperti berikut:

Tarikh : 18 - 20 Februari 2025
(Fasa 1 : Di sekolah masing-masing)

23-25 Februari 2025
(Fasa 2 : Di Stadium Kluang
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Stadium Kluang

Lapor diri : 23 Februari 2025 pada jam 8.00 pagi
di Stadium Kluang.
Penginapan : Tidak disediakan.
Pakaian : Berpakaian sukan.

4. Kebajikan : Makan dan minum semasa latihan pusat pada 23-25 Februari 2025 akan ditanggung oleh sekolah masing-masing sebanyak RM30.00 (RM10.00 X 3 Hari) bagi setiap pelajar/atlet yang terpilih. Bagi makan dan minum semasa Kejohanan MSSJ ditanggung oleh MSSD Kluang.

5. Maklumat Kejohanan : Tarikh : 26 hingga 28 Februari 2025
Tempat : Stadium Kluang
Pengelola : MSSD Kluang.
Penginapan : SK Seri Taman Kluang Barat

Maklumat lain akan diberitahu kemudian.